

## Pindaan Jadual Pertama

127. Jadual Pertama Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan perenggan 1 dengan perenggan berikut:

“(i) Tingkat Bawah	.. RM14.00 bagi tiap-tiap 9 meter persegi atau sebahagiannya tertakluk kepada minimum sebanyak RM140.00
(ii) Tingkat Pertama	.. RM12.00 bagi tiap-tiap 9 meter persegi atau sebahagiannya tertakluk kepada minimum sebanyak RM120.00
(iii) Tingkat Kedua	.. RM10.00 bagi tiap-tiap 9 meter persegi atau sebahagiannya tertakluk kepada minimum sebanyak RM100.00
(iv) Tingkat Ketiga	.. RM8.00 bagi tiap-tiap 9 meter persegi atau sebahagiannya tertakluk kepada minimum sebanyak RM80.00
(v) Tingkat keempat dan tingkat atasnya atau tingkat bawah tanah (selain daripada tingkat bawah tanah terbuka)	.. RM6.00 ringgit bagi tiap-tiap 9 meter persegi atau sebahagiannya tertakluk kepada minimum sebanyak RM60.00”;

- (b) dalam subperenggan 6(4)(a), dengan menggantikan angka “18.00” dengan angka “36.00”;
- (c) dalam subperenggan 6(4)(b), dengan menggantikan angka “18.00” dengan angka “36.00”;
- (d) dalam subperenggan 6(5), dengan menggantikan angka “25.00” dengan angka “50.00”;
- (e) dalam perenggan 7—
- (i) dengan memasukkan selepas perkataan “jambatan” perkataan “landasan keretapi, terowong, landasan terbang”; dan
  - (ii) dengan menggantikan angka “25.00” dengan angka “50.00”.

(f) dengan memasukkan selepas perenggan 7 perenggan baru 7A—

**“Struktur telekomunikasi**

7A. Bagi pelan-pelan yang dikemukakan untuk diluluskan mengenai struktur telekomunikasi dan seumpamanya sebagaimana di bawah:

(a) bagi struktur yang dibina di atas tanah—

- (i) bagi ketinggian sehingga 45 meter fi yang kena dibayar ialah RM1,000.00 bagi setiap satu struktur; atau
- (ii) bagi ketinggian melebihi 45 meter fi yang kena dibayar ialah RM2,000.00 bagi setiap satu struktur.

(b) bagi struktur yang dibina di atas atau bersambungan dengan bangunan—

- (i) bagi ketinggian sehingga 9 meter fi yang kena dibayar ialah RM1,000.00 bagi setiap satu struktur; atau
- (ii) bagi ketinggian melebihi 9 meter fi yang kena dibayar ialah RM2,000.00 bagi setiap satu struktur.”

(g) dalam perenggan 8 dengan menggantikan angka “3.00” dengan angka “6.00”;

(h) dalam subperenggan 10(1), dengan menggantikan angka “60.00” dengan angka “120.00”;

(i) dengan menggantikan subperenggan 11(3) dengan subperenggan berikut:

“(3) Fi yang kena dibayar adalah seperti berikut:

- (i) bagi memeriksa pelan RM100.00 bagi satu set pelan yang diluluskan
- (ii) bagi menyalin pelan RM100.00 bagi helaian pertama dan RM50.00 bagi helaian yang berikutnya”

(j) dalam subperenggan 11(4), dengan menggantikan angka “50.00” dengan angka “100.00”.

(k) dalam perenggan 12, dengan menggantikan angka “50.00” dengan angka “100.00”.

(l) dengan menggantikan perenggan 13 dengan perenggan berikut:

**"Permit sementara**

13. Fi yang berikut adalah kena dibayar bagi permit sementara yang dikeluarkan di bawah undang-undang kecil 19:

(a)	Bangsal untuk pertunjukan	RM100.00 sehari
(b)	Tempat ibadah atau bagi tujuan keagamaan	RM40.00 sehari
(c)	Mendepositkan atau meletakkan bahan-bahan bangunan atas jalan dengan kebenaran pihak berkuasa tempatan	R M 3 6 . 0 0    b a g i satu meter persegi bagi sebulan atau sebahagiannya
(d)	Bangsal kerja bagi pembina, stor atau bangsal lain berhubungan dengan bangunan baru	RM200.00 bagi satu bangsal bagi 6 bulan atau sebahagiannya
(e)	Perancah yang didirikan atas jalan	RM10.00 bagi satu tiang perancah bagi sebulan atau sebahagiannya
(f)	Pelantar kerja, kerja berangka, platform atau struktur sementara daripada apa-apa jenis yang didirikan atas bumbung bersempadan suatu jalan	RM100.00 sebulan bagi satu struktur atau sebahagiannya
(g)	Dinding adang sementara atas mana-mana tanah, jalan atau lorong jalan kaki berhubungan dengan kerja-kerja bangunan	RM6.00 bagi satu meter panjang jalan kaki atau lorong jalan kaki sebulan atau sebahagiannya
(h)	Mana-mana bangunan bagi tujuan bukan perniagaan	RM10.00 bagi 9 meter persegi setahun dengan caj minimum sebanyak RM100.00 bagi satu permit
(i)	Mana-mana bangunan bagi tujuan perniagaan	RM20.00 bagi 9 meter persegi setahun dengan caj minimum sebanyak RM200.00 bagi satu permit
(j)	Mana-mana bangunan yang baginya ubah guna bangunan bagi tujuan pusat pendidikan swasta	RM15.00 bagi 9 meter persegi setahun dengan caj minimum sebanyak RM150.00 bagi satu permit

(k)	Mana-mana bangunan yang baginya ubah guna bangunan bagi tujuan rumah tumpangan atau aktiviti yang bersamaan dengannya	RM20.00 bagi 9 meter persegi setahun dengan caj minimum sebanyak RM200.00 bagi satu permit
(l)	Mana-mana bangunan bagi tujuan aktiviti sukan	RM20.00 bagi 9 meter persegi setahun dengan caj minimum sebanyak RM200.00 bagi satu permit
(m)	Mana-mana bangunan yang baginya ubah guna bangunan bagi tujuan hiburan atau yang bersamaan dengannya	RM30.00 bagi 9 meter persegi setahun dengan caj minimum sebanyak RM300.00 bagi satu permit yang boleh diperbaharui pada 1hb Januari setiap tahun
(n)	Mana-mana bangunan bagi aktiviti pelancongan	RM30.00 bagi 9 meter persegi setahun dengan caj minimum sebanyak RM300.00 bagi satu permit
(o)	Mana-mana struktur telekomunikasi yang didirikan atas tanah	RM5000.00 bagi setiap 6 bulan
(p)	Mana-mana struktur telekomunikasi yang didirikan atas atau bersambung dengan bangunan	RM2500.00 bagi setiap 6 bulan
(q)	Mana-mana struktur yang didirikan bagi tujuan paparan iklan dan yang bersamaan	RM10.00 bagi setiap 1 meter persegi bagi satu bulan dengan minima RM100.00 sebulan dan sebagiannya
(r)	Kanopi dan yang bersamaan dengannya	RM50.00 bagi 9 meter persegi sebulan atau sebagiannya